(b) Isteri

- ✔ Nafkah eddah
- ✔ Muta'ah
- ✔ Harta sepencarian
- ✔ Hak jagaan anak (Hadhanah)
- ✔ Nafkah anak
- ✔ Tunggakan nafkah
- ✔ Hak tempat tinggal

NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH


**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN**
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU**
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT**
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980


## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH


TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066


# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# TALAQ



## Definisi Talaq

Talaq dari sudut bahasa ialah melepas dan terlepas. Dari sudut syarak, talaq ialah merungkai ikatan perkahwinan dengan lafaz talaq dan sebagainya. Perceraian dilakukan dengan lafaz talaq satu, dua atau tiga sama ada secara *Soreh* (jelas) atau *Kinayah* (sindiran). Peruntukkan perceraian disebut di bawah seksyen 47, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah 2004.

**Jenis Talaq**

*(i)* *Talaq raj'ie* iaitu talaq yang masih boleh diruju' semula sebagai suami isteri ketika isteri masih berada dalam tempoh eddah.

*(ii)* *Talaq ba'in* terbahagi kepada 2 iaitu:

*(a)* *Talaq ba'in sughra* iaitu talaq satu atau dua selepas tamat tempoh eddah dan memerlukan kepada akad nikah yang baru sekiranya hendak rujuk semula sebagai suami isteri.

*(b)* *Talaq ba'in kubra* iaitu perceraian dengan talaq tiga yang menamatkan perkahwinan itu. Pihak-pihak tidak boleh berkahwin semula kecuali perempuan tersebut berkahwin secara sah dengan lelaki lain dan diceraikan selepas penyatuan perkahwinan.

## Tatacara Pendaftaran

(i) Permohonan pendaftaran kes hendaklah difailkan di Mahkamah Syariah.

(ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:

- ✔ Surat iringan pemfailan kes
- ✔ Penyata tuntutan / Afidavit Sokongan
- ✔ Salinan kad pengenalan Plaintif / Pemohon
- ✔ Salinan sijil nikah atau pengesahan nikah daripada Jabatan Agama
- ✔ Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)
- ✔ Lain-lain dokumen berkaitan tuntutan / permohonan (jika ada)

## Kesan Talaq

(i) Isteri hendaklah menjalani tempoh eddah selama tiga kali suci.

(ii) Suami boleh ruju' semula isteri dalam tempoh eddah.

(iii) Suami atau isteri boleh menuntut hak masing-masing antaranya adalah seperti berikut:

(a) **Suami**

- ✔ Harta sepencarian
- ✔ Hak jagaan anak (Hadhanah)